Tarikh : 26/11/2023

KENYATAAN SEBUTHARGA

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI KELANTAN.

Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang beralamat **di Negeri Kelantan** serta berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:

Bil.	Tajuk Kerja	Taraf/Jenis Syarikat	Kelas	Kepala/ SubKepala	Tarikh Tutup
1.	**Perkhidmatan membersih dan mencuci bangunan pejabat tujuh (7) Tingkat di Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Kelantan serta kawasan sekitar termasuk tandas, kafetaria, nurseri termasuk pondok jaga dan Mahkamah Rendah Syariah Jajahan [Sembilan (9) Pejabat Jajahan].** **No. Sebutharga : JKSKN. 400-10/2/9 SH 1/2023**	**Terbuka**	**Bumiputera**	**221001** **221002** **221003** **221104** **221402**	**07/12/2023**

2. Dokumen Sebutharga boleh disemak dan boleh diperolehi di Jabatan Kehakiman Syariah mulai tarikh **26/11/2023 hingga 07/12/2023** pada hari dan waktu berikut :

Ahad hingga Khamis Jam : 9.00 pagi - 2.00 petang

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI KELANTAN
KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah pecahan kepala perkhidmatan membersih dan mencuci bangunan pejabat seperti berikut :

NO. SEBUTHARGA	PERKARA
JKSKN 400- 10/2/9 SH 1/2023	**SEBUTHARGA PERKHIDMATAN MEMBERSIH DAN MENCUCI BANGUNAN PEJABAT TUJUH (7) TINGKAT DI KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH NEGERI KELANTAN BANDAR BAHARU TUNJUNG SERTA KAWASAN SEKITAR TERMASUK TANDAS, KAFETARIA, NURSERI TERMASUK PONDOK JAGA DAN MAHKAMAH RENDAH SYARIAH [SEMBILAN (9) JAJAHAN]**

Dokumen Sebutharga boleh diperolehi pada waktu pejabat **mulai 26/11/2023 hingga 07/12/2023** di Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Kehakiman Syariah dengan menunjukkan SIJIL ASAL **PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** dalam kod bidang seperti di atas dan **SIJIL TARAF BUMIPUTERA** (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa membeli Borang Sebutharga.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dengan mencatatkan tajuk dan No. Sebutharga dan dimasukkan ke dalam peti sebutharga yang ditetapkan di Bahagian Kewangan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan, Aras 5, Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Kelantan, 15510 Kota Bharu sebelum atau pada **pukul 12.00 tengahari** bertarikh **07/12/2023**.

Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

3. Kontraktor yang ingin memasuki tawaran di atas adalah dikehendaki membuat bayaran RM 20.00 (Ringgit: DUA PULUH SAHAJA) di Bahagian Pentadbiran, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan sebagai bayaran Dokumen Sebutharga.

4. Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Kontraktor hendaklah membawa Perakuan Pendaftaran Asal atau Kad Perakuan Permohonan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Sijil Pendaftaran Asal Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dan Sijil Asal Pengiktirafan Taraf Bumiputera jika bekenaan. Salinan sijil Pendaftaran PKK /Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera boleh diterima jika disahkan oleh Pengarah Pusat Khidmat Kontraktor, serta Sijil CIDB dan 'Surat Wakil' yang sah daripada Syarikat.

5. Dokumen sebutharga hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat berlakri dan ditulis Nombor Sebutharga, Nama Sebutharga serta tarikh tutup dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga sebelum atau pada **07/12/2023 sebelum jam: 12.00 tengahari** di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan.

6. Pejabat ini tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT"
"SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT"

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(NORHASNEY RIDHWAN BIN HASSAN)
Ketua Pendaftar
b.p KETUA HAKIM SYARIE
NEGERI KELANTAN

s.k:

1) YAA. Dato' Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan
2) Pusat Khidmat Kontraktor Negeri Kelantan
3) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)
4) Majlis Daerah.....
5) Jabatan Kerja Raya Jajahan.....
6) Pejabat Tanah dan Jajahan.....